

SUMBANGAN ZAINAB AL-GHAZALI DALAM MEMARTABATKAN KEDUDUKAN WANITA DALAM ARENA KEPIMPINAN UMAT ISLAM

Siti Zaharah Hamid
Dr. Farhah Zaidar Mohamed Ramli
Dr. Phayilah Yama

ABSTRAK

Islam tidak ketandusan tokoh dalam kepimpinannya samaada daripada kalangan lelaki mahupun wanita. Tokoh-tokoh ini sentiasa muncul dan dicatat sejarah mereka pada setiap zaman hingga kini. Zainab al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh wanita pendakwah mujahidah kontemporari yang hampir menjadi lagenda kerana sumbangan beliau yang hebat dalam arena kepimpinan umat Islam khususnya di Mesir. Sejak awal remajanya beliau telah menyertai pelbagai pergerakan wanita bermula dengan penglibatan dalam Kesatuan Wanita Mesir. Kemunculan beliau yang cemerlang sebagai pengasas Pertubuhan Wanita Islam dan kemudian penggerak Pertubuhan Akhawat Muslimah iaitu sayap wanita Ikhawanul Muslimin telah memartabatkan kedudukan wanita dalam arena kepimpinan umat serta mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Implikasi penglibatan beliau tersebut pada masa yang sama dapat menghakis prejudis terhadap Islam yang kononny asentiasa menghalang atau menyekat kebebasan wanitanya daripada turut menyumbang kepada kepimpinan masyarakat dan Negara. Justeru artikel ini menerusi analisis dokumen berdasarkan sumber kepustakaan tertentu, ingin menjelaskan mengenai sumbangan beliau dalam bidang pendidikan, kepimpinan wanita, dakwah dan politik.

Kata kunci: *Sumbangan Zainab al-Ghazali, kedudukan wanita, kepimpinan umat Islam.*

1. Pengenalan

Syariat Islam sebagai suatu panduan hidup manusia sejagat, memberi hak, kedudukan dan tanggungjawab kepada lelaki dan wanita yang tidak diberi oleh mana-mana agama atau perundangan. Wanita dalam Islam tidak dihalang dari menyertai kegiatan kemasyarakatan, kerana dalam Islam wanita sebahagian daripada tonggak utama dan pemberi impak besar dalam masyarakat. Wanita tidak seperti yang digambarkan oleh musuh-musuh Islam bahawa wanita terkongkong di penjuru yang sempit dan terbatasi. Hakikat sebenarnya adalah amat bertentangan¹. Artikel ini menengahkan ketokohan dan sumbangan individu unggul Zainab al-Ghazali al-Jubaily yang bukan sahaja berjaya mengisi kedudukan yang diperuntukkan oleh Islam kepada golongan wanita malah beliau berjaya membuktikan bakat kepimpinannya melalui usaha kesedaran dikalangan kaum sejenisnya terhadap tuntutan Islam dan menjadikan hampir seluruh hidupnya untuk menyedarkan dunia khususnya masyarakat Islam terhadap kepentingan mendaulatkan Islam sebagai sumber panduan kehidupan manusia.

Biodata

Zainab Muhammad al-Ghazali al-Jubaily dilahirkan pada 2 Januari 1917M/ 8 Rabiul Awal 1335H di *Mayeet Ghumar al-Daqilyah*, daerah *Buhairah*, Mesir. Beliau daripada nasab yang

¹Muhammad Firas al-Saudi. *Mausu'at al-Mar'ah al-Mua'sarah*. 2010. Dar al-Maktabi. Damsyiq.

mulia, pihak ayahnya adalah dari keturunan Khalifah Umar al-Khattab RA dan ibunya berhubung nasabnya dengan al-Hasan bin Ali bin Abi Talib RA. Datuknya seorang saudagar kapas terkenal. Ayahnya terdiri daripada kalangan ulama al-Azhar yang memiliki perniagaan kapas.²

Zainab al-Ghazali lahir dan dibesarkan oleh kedua ibu bapanya dalam persekitaran pendidikan Islam yang baik. Keperibadian Zainab al-Ghazali tertanam kukuh sifat-sifat gigih dan berani hasil didikan ayahnya yang sering membawa Zainab bersamanya menunaikan solat Subuh di masjid dan ketika menghadiri majlis-majlis pengajian bersama beberapa ulama al-Azhar. Beliau sering memanggil putrinya dengan nama Saiyidah Zainab al-Ghazali dan memberigelarannya Nusaiybah sempena nama seorang sahabat yang terkenal dengan keberaniannya iaitu *Nusaiybah binti Ka'ab al-Mazaniyah al-Ansoriyah*,³ dan berusaha gigih membentuk Zainab al-Ghazali agar menjadi penjuang dan pembela Islam.⁴

Pendidikan

Di peringkat awal Zainab al-Ghazali belajar di madrasah kampungnya Zainab al-Ghazali juga belajar di sekolah kerajaan mengikuti pengajian agama di tangan para guru al-Azhar. Di antara ilmu-ilmu yang dia pelajari adalah ilmu hadis, tafsir dan fiqh.⁵

Selepas ayahnya wafat pada tahun 1928M, Zainab yang ketika itu baru berusia sekitar sebelas tahun, bersama ibunya berpindah ke Kaherah untuk tinggal bersama saudara-saudara lelakinya yang belajar dan yang berkerja disana. Saudara yang tertua Sa'aduddin al-Ghazali tidak bersetuju untuk membenarkan Zainab al-Ghazali meneruskan pengajiannya walaupun Zainab al-Ghazali berulang kali meminta kebenarannya, alasannya: "Zainab telah diajar oleh ayah sikap berani dan degil, dia tidak mendengar selain dari kehendak dan pemikirannya saja, memadai dengan apa yang telah dipelajari di kampung..." Ibunya sendiri berpendapat, Zainab perlu patuh kepada abangnya kerana kedudukannya sebagai seorang bapa tetapi Allah SWT membantunya melalui Ali; abang keduanya yang menyokong Zainab al-Ghazali menyambung pelajarannya agar berpeluang membentuk pemikiran dan pandangannya terhadap banyak perkara terutama terhadap manusia. Dia telah membekalkan Zainab dengan beberapa buah buku, di antaranya ialah karya *Aisyah al-Taimury* mengenai wanita yang telah dibaca hingga dapat menghafal banyak dari kandungannya.⁶

Tetapi bagi Zainab, buku-buku dan pembacaan secara umum seperti itu belum memadai untuknya. Lalu pada suatu hari dalam usia dua belas tahun, Zainab keluar daripada rumahnya di *Haiyi Syubra*, keluar merayau-rayau di beberapa jalan, tiba-tiba matanya terpancing ke sebuah sekolah khas untuk pelajar-pelajar perempuan. Setelah berjaya meyakinkan pegawai sekolah tentang hajatnya, Zainab al-Ghazali dibawa bertemu dengan Tuan Pengetua. Ketika memperkenalkan diri, Zainab dengan penuh keyakinan pada dirinya berkata: "Saya adalah Sayidah Zainab al-Ghazali terkenal sebagai Nusaiybah binti Ka'ab al-Mazaniyah." sambil menceritakan tentang permasalahannya dan memperkenalkan diri

²Ibn Hashimy ; *Humum al-Maraat al-Muslimah Wa al-Daiyah Zainab al-Ghazali*:1990, Dar al-I'tisom, Kaherah. Badr Muhammad Badr, *Min Suttur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali. Zainab al-Ghazali al-Daiyah, Wa Siasah Misriyah*. <http://www.ikhwanwiki.com/index.php>.

³ Sahabiyah yang telah dihiasi dengan dua belas pingat hasil dari tikaman dan pukulan pedang yang diterimanya semasa Perang Uhud, ketika mana ia terus tetap mempertahankan Nabi SAW di saat hampir semua manusia disekeliling meninggalkan Nabi SAW.

⁴ Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden*, Selangor, 2009, h 206.

⁵ Syekh Muhammad Sa'id Mursi, *Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur, 2011, h 555

⁶Ibn al-Hasyimy , *Humum al-Mar'at al-Muslimah wa al-Da'iyah Zainab al-Ghazali*: h: 26-27, Badr Muhammad Badr, *Min Suttur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali-. Zainab al-Ghazali al-Daiyah, Wa Siasah Misriyah*. <http://www.ikhwanwiki.com/index.php>.

sertalatar belakang keluarganya, Tuan Pengetua tersebut begitu kagum dengan keberanian gadis cilik tersebut lalu menerima permohonan Zainab-Ghazali, ujian kelayakan dapat dijawabnya dengan penuh yakin. Kemudian berpindah pula ke Tingkatan Satu, dan selepas dua bulan Zainab mengikuti pengajian, ujian sekali lagi dijalankan ke atasnya, dan seterusnya ia berjaya naik ke Tingkatan berikutnya. Begitulah seterusnya Zainab belajar di beberapa sekolah kerajaan.⁷

Tapi baginyaitu jugatidak memadai untuknya. Seterusnya Zainab mula bertalaqqi ilmu-ilmu agama di tangan beberapa gurual-Azhar yang terdiri daripada tokoh-tokoh ulama' besar di al-Azharal-Syarif, seperti Syaikh Ali Mahfuz, Ketua Bahagian Pengajaran dan Bimbingan di al-Azhar, Syaikh Muhammad Sulaiman an-Najjar, Syaikh al-Majid al-Labban. Dengan cara ini Zainab dapat menggabungkan ilmu antara dua sistem moden dan pengajian tradisional, yang berdasarkan pada penerimaan secara langsung (*talaqqi*) daripada para guru al-Azhar.⁸

Kepimpinan Wanita

Sumbangan Zainab al-Ghazali dalam aspek kepimpinan wanita boleh dikenalpasti sebagaimana berikut.

i. Kesatuan Wanita Mesir

Bakat kepimpinan Zainab al-Ghazali yang dibentuk sejak kecil oleh ayahnya terserlah bilamana berjaya persekolahannya di peringkat menengah. Dalam usia yang masih remaja pada tahun 1936H, Zainab terbaca satu iklan daripada Kesatuan Wanita Mesir tentang tawaran penyertaan pelajar untuk program lawatan sambil belajar ke Perancis, Huda Sya'rawi pemimpin pertubuhan yang ketika itu begitu lantang menuntut dan memperjuangkan hak-hak wanita dalam masyarakat, dengan segera mendaftarkan nama Zainab, gadis dari kampung yang dilihatnya memiliki ciri-ciri keperibadian yang kukuh, tegas pendirian dan mantap imannya. Malah Huda Sya'rawi melantik Zainab dalam bahagian pentadbiran dengan harapan Zainab bakal penggantinya memimpin Kesatuan Wanita tersebut. Bermula dari sini Zainab berperanan di kalangan anggota Kesatuan dan dapat menarik tumpuan para wanita. Zainab Al-Ghazali telah memperlihatkan kelebihanannya sebagai seorang pemedato berbakat, hasil didikan dan asuhan *allahyarham* ayahnya. Kedudukan inilah yang diimpikan selama ini, tapi Allah SWT menghendaki sesuatu yang lain untuknya⁹.

Selepas sebulan pengumuman senarai perwakilan dan tarikh keberangkatan anggota delegasi ditetapkan, pada suatu malam Zainab bermimpi bertemu dan berdialog dengan ayahnya yang meminta Zainab untuk membatalkan lawatannya ke Perancis, di perkuatkan dengan kata-katanya: "Sesungguhnya Allah bakal menggantikan dengan sesuatu yang lebih baik di Mesir daripada apa yang kamu akan dapat daripada program lawatan itu." Peristiwa ini sangat memberi kesan kepada Zainab kerana hubungi kerohanian yang terbina sejak kecil dengan ayahnya yang begitu pengasih seolah-olah mencelah dari alam ghaibnya untuk menyantuni jiwa kecil yang penuh keinginan tinggi bagi memandu perjalanannya dan menyelamatkannya dari kegeliciran jalan. Berikutnya, dengan segera Zainab memohon keuzuran dari menyertai lawatan tersebut walaupun Huda Sya'rawi dan anggota tertinggi Kesatuan cuba memujuknya Zainab menolaknya dengan baik sambil menegaskan

⁷Ibn al-Hasyimy : bid,h: 28-29, Badr Muhamad Badr.Ibid

⁸ Ibid.

⁹Zainab al-Ghazali,*Al-Mausuu'at at-tarikhiyah ar-rasmiyahli -Ikhwan al-Muslimin-*

pendiriannya dengan berkata: "Wajah ayah sentiasa menemani saya. Saya tidak merasa seorang pun dari keluargasaya yang sentiasa bersama saya seperti mana perasaan saya dengan kewujudan ayah saya"¹⁰

Zainab al-Ghazali terus berjuang untuk memperkasakan hak-hak wanita dengan penuh keyakinan, melalui Kesatuan Wanita. Dalam tahun-tahun pertama penglibatannya, beliau turut dalam banyak perbincangan berhadapan al-Azhar. Zainab beranggapan beliau tidak terkeluar dari keyakinannya yang padu terhadap kesempurnaan Islam dan begitu juga perjuangan ke arah kebebasan hak-hak wanita dan slogan-slogan yang dilaungkan oleh Kesatuan Wanita ini masih termasuk dalam lingkungan yang dibenarkan. Situasi ini menarik perhatian para ulama' al-Azhar keupayaan yang ada pada diri Zainab dan mereka merasakan bahawa Zainab terbaik untuk meyakinkan pihak lain dengan sudut pandangan yang terkandung dalam tuntutan Islam mengenai hak wanita. Untuk tujuan tersebut, diadakan beberapa siri perbincangan untuk menjelaskan kepada Zainab sebahagian permasalahan agama yang belum difahaminya. Syeikh Muhammad al-Najjar salah seorang ulama' al-Azhar membantunya dalam memahami banyak isu yang selama ini di anggap betul mengikut pegangan Kesatuan Wanita.¹¹

Kemuliaan diri wanita perlu ada sebelum hak kebendaannya diperjuangkan. Kesuciannya terpelihara bila Islam itu bebas. Dengan semua pihak sentiasa menyedari mengenai pendirian Islam, ia merupakan jalan penyelesaian bagi wanita untuk memenuhi hak-haknya yang unggul dalam masa di mana wanita di Barat tidak diiktiraf dan tidak ada nilai. Dengan perbincangan tersebut, jelas pada Zainab bahawa harapan hanya ada pada Islam tetapi bagaimana untuk ia keluar dari Kesatuan Wanita dan dia sendiri memiliki keistimewaan dan peluang yang cemerlang di sisi pemimpinya, Huda Sya'rawi dan memiliki potensi yang besar untuk menarik penglibatan ramai wanita dalam Kesatuan Wanita.¹²

ii. Persatuan Wanita Muslimah

Tiba hari yang telah dipilih Allah SWT untuk membezakan hak dan batil dalam hidup Nusaiybah kurun kedua puluh ini. Suatu hari Zainab ditimpa kemalangan akibat kebakaran hingga menyambar muka dan seluruh tubuhnya. Doktor yang merawatnya merasa putus asa mengenai kesembuhannya dan menanggung kesembuhan sesuatu yang mustahil kecuali harapan dari rahmat Allah. Doktor meminta keluarganya memperbanyakkan doa. Zainab dapat mendengar berita tersebut dan padanya tiada pilihan selain terus berdoa dan bersungguh dalam beribadat dan solat sebagai persediaan menghadapi kematian, merayu kepada Allah SWT dengan sepenuh harapan dan memohon supaya Allah SWT mengampunkannya dengan sebab penglibatannya dalam pertubuhan Huda Sya'rawi. Zainab mempertaruhkan dirinya sebagai penebus agar Allah SWT memulihkan jasadnya seperti sedia kala, dan dengan penuh keyakinan bahawa Allah SWT berkuasa atas segala-galanya dan Zainab terus berjanji untuk menjadikan seluruh diri dan hidupnya hanya semata-mata untuk bersama Allah SWT, bersedia berjuang semampu mungkin, dan ingin kembali bersama wanita muslimah ke zaman sahabat demi menyebarkan dakwah Islam.¹³

Terbukti indahnyanya keikhlasan dalam doa dan betapa manisnya taubat yang benar bila terbit daripada hati yang sepenuh ikhlas penyerahannya kepada Allah SWT. Di mana jasad

¹⁰Ibn Hasyimi, *Humum al-Mar'ah al-Muslimah* .h.28

¹¹ Badr Muhamad Badr *Min Suttur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali*. Ibid

¹²Ibn Hayim .*Humum al-Mar'ah al-Muslimah* .h.29

¹³Zainab al -Ghaali. *Ayyam Min Hayati* .Ibid.

yang telah di nyatakan akan mati oleh doktor dan orang ramai, bertukar kepada kesembuhan, bahagian tubuh yang terbakar mulai sembuh dari keadaan sebelumnya, kembali sembuh dalam lingkungan mukjizat yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Selepas insiden tersebut, Zainab Al-Ghazali berhenti dari keanggotaan Kesatuan Mesir dan mengasaskan Persatuan Wanita-Wanita Muslimah pada Rabi'ul Awal 1355H / tahun 1937M, dan ia merupakan pertubuhan wanita Islam yang pertama di Mesir. Usia Zainab ketika itu adalah dalam lingkungan dua puluh tahun. Sejak itu bermula kegiatan dakwahnya ke arah menuntut pengembalian umat kepada Allah SWT, kepada pengajaran agama yang benar, agar wanita dan lelaki mendapat haknya, agar umat kembali kepada kegemilangan dan kepimpinannya yang hilang disebabkan bertukarnya obor Islam dengan kilauan Barat. Justeru, penggarapan ilmu di kalangan anggota jamaah menjadi syarat utama untuk membebaskan Islam daripada dibelenggu pengkhianat Islam di samping mentarbiah mereka agar berkemampuan untuk berpidato, berhujah dan berinteraksi dengan masyarakat sekeliling untuk memimpin umat seluruhnya kembali kepada Islam dalam erti kata sebenar.¹⁴

Langkah seterusnya, Zainab kembali kepada kebenaran dengan jiwa yang suci beserta kesembuhan daripada penyakitnya. Seterusnya beliau menerusi majalah *Sayyidah Muslimah*, telah menyebarkan ucapan-ucapan yang meyakinkan umat untuk kembali kepada agama yang benar, keseluruh pelusuk Mesir di mana turut berkembang cawangannya, Persatuan Wanita Muslimah. Beliau memimpin dan menggerakkan persatuan ini dengan menyusun kelas-kelas pengajian di masjid-masjid di seluruh Mesir seperti masjid Ahmad bin Tolon, Masjid al-Imam Syafi', al-Jami' al-Azhar, Masjid Sultan Hassan dan selainnya dengan kerjasama tenaga pengajar dari para ulama' al-Azhar. Dengan perkembangan itu, Pertubuhan Muslimah mula menyusun pelbagai kegiatan, di antaranya : menubuhkan pusat dakwah bagi melahirkan para pendakwah wanita. Di mana dalam tempoh enam bulan para peserta mengikuti mata pelajaran : Fiqah, Sirah, Hadis dan berbagai-bagai Ulum Syari'ah sehingga mereka berkelayakan menyampaikan pengajian di masjid-masjid. Beliau turut memajukan lagi usaha serta sumbangan persatuan ini dengan menyediakan rumah-rumah bagi menempatkan anak-anak yatim dan menjaga kepentingan mereka.¹⁵

Pada tahun 1952M, ketika berlaku revolusi Julai situasi tiba-tiba bertukar, Zainab dan Persatuan Wanita Muslimah telah diarahkan menghentikan kegiatan persatuan sepenuhnya termasuk penerbitan Majalah Muslimah. Zainab sendiri dilemparkan tuduhan palsu sebagai penentang revolusi dan dijatuhkan hukuman mati dan kemudiannya diperingankan dengan hukuman penjara seumur hidup dengan kerja-kerja berat. Azab dan penderitaan dalam penjara di bawah pemerintahan Naseer dirakamkan dalam karyanya yang termasyhur iaitu *Hari-hari Dalam hidupku*.¹⁶

Dakwah

Seterusnya sumbangan Zainab dalam bidang dakwah berdasarkan dua aspek berikut:

i. Pengajian Dan Seminar

Setelah keluar dari penjara, Zainab al-Ghazali meneruskan peranannya dalam bidang dakwah. Beliau melaksanakan halaqah-halaqah pengajian di masjid-masjid dan menyertai

¹⁴ Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Islam Abad Modern*, Selangor, 2009, h 207-208

¹⁵ Badr Muhamad Badr *Min Suttur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali*. Ibid. Ibn Hayim *.Humum al-Marah al-Muslimah* .h.29

¹⁶ Zainab al -Ghaali. *Ayyam Min Hayati*. Ibid.

berbagai seminar di dalam Mesir dan di luar. Adapun negara-negara yang pernah beliau kunjungi adalah Arab Saudi, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Algeria, Turki, Sudan, India, Perancis, Amerika, Kanada, Sepanyol dan sebagainya.

ii. Penulisan.

Zainab seorang yang berbakat besar dalam bidang penulisan. Beliau adalah editor bagi sebuah ruangan dalam majalah *al-Da'wah* bagi pembangunan rumah tangga Muslim yang sejati. Kata-kata yang beliau berikan amat bernas dan berlandaskan agama Islam. Ini terbukti apabila beliau mengeluarkan kenyataan dalam satu temu ramah di rumah. ya pada tahun 1981.

Beliau berkata : "Islam menyediakan segala-galanya untuk lelaki dan perempuan. Islam memberikan wanita semuanya iaitu kebebasan, hak dalam ekonomi, politik, sosial, hak awam dan juga hak persendirian. Islam memberikan hak-hak wanita dalam keluarga lebih daripada persatuan dan agama lain. Wanita boleh berkata perihal kebebasan wanita dalam masyarakat Kristian, Yahudi dan juga masyarakat pagan, tetapi dalam masyarakat Islam adalah satu kesilapan besar untuk berkata perihal kebebasan wanita. Wanita Muslim perlu mempelajari Islam supaya mereka tahu Islam memberikan mereka semua hak-hak mereka."¹⁷

Zainab Al-Ghazali adalah di antara pengasas Markaz Am bagi Wanita Muslimah yang ditubuhkan pada tahun 1356M bersamaan 1936H, sebagai wadah penting mengajak umat Islam seluruhnya kembali kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah dan ke arah pelaksanaan Syari'at Islam di Mesir.¹⁸

Antara karya-karya tulisnya adalah : *Ayyammin Hayati*¹⁹, *Nahwa Ba'thu Jadid*, *Nazarat Fi Kitabillah*²⁰, *Muyskilatu Shabab wa Fatayat*, *Gharizah al-Mar'ah*, *Asma'Allah al-Husna*,²¹.

Politik

Kegiatan Pertubuhan Wanita Muslimah yang dipimpin oleh Zainab al-Ghazali tidak terbatas pada aktiviti kebajikan semata-mata, malah turut terlibat dalam kegiatan politik yang memang merupakan sebahagian dari amal kemasyarakatan. Ini menimbulkan pertembungan dengan kuasa pemerintah. Zainab al-Ghazali kemudiannya ditangkap pada 20 Ogos tahun 1965M, dibicarakan pada 1966 dan dihukum penjara selama 25 tahun. Namun, beliau dibebaskan pada tahun 1971 semasa Anwar Sadat menggantikan pemerintahan Jamal setelah kematiannya. Allah S.W.T. membalas pengkhianatan Jamal Abdul Naseer terhadap para pendokong Ikhwan dengan kekalahan kerajaan Mesir pimpinannya kepada Israel dan sekutunya dalam perang tiga serangkai pada tahun 1967.

Ketika berada dalam penjara, beliau mengalami pelbagai penderitaan dan penyiksaan seperti direndam dalam air separas dengan leher, diberi makanan yang kotor, ditakutkan dengan gertakan malah hampir diperkosa oleh seorang pegawai penjara. Namun, Allah S.W.T. memberikan kekuatan kepada beliau untuk mempertahankan maruah dan harga

¹⁷ Ahmad Amri Zainal Adnan, Nurasyikin Ahmad, *50 Tokoh Islam Yang Mengubah Dunia*, Kuala Lumpur, 2009, h 140.,B

¹⁸ Ibn Hasyimi, *Humum al-Maraah al-Muslimah*.Ibid.

¹⁹ Terj. Inggris: *Return of The Pharaoh*. Karya terkenal sebagai rakaman penting dalam sejarah Dakwah Islam..

²⁰ Nama lain: *Ma'a Kitabillah*. di antara kitab tafsir wanita kontemporari terawal.

²¹ Ibid, h 558

dirinya. Beliau disebat, dihina dan diaibkan namun semuanya tidak membekas kepada Zainab al-Ghazali. Lidahnya sentiasa basah dengan zikir dan membaca al-Quran.²²

Beliau juga sepenjara dengan Hamidah Qutb (adik kepada Syed Qutb) dan sentiasa berdakwah kepada para banduan yang lain. Beliau sentiasa menghidupkan malam untuk bermunajat semoga Allah S.W.T memberikan kemenangan kepada Islam malah semasa berada dalam penjara beliau telah dicerai oleh suaminya. Selepas dibebaskan daripada penjara, Zainab kembali aktif menggerakkan aktiviti-aktiviti demi Islam. Berpidato lantang dan segar menyedarkan para pemuda dan pemudi serta membimbing umat ke arah keredhaan Allah S.W.T.

Kekeluargaan

Daripada aspek kekeluargaan, Zainab al-Ghazali telah berkahwin sebanyak dua kali. Perkahwinan pertamanya berakhir dengan penceraian kerana suaminya tidak member kebenarannya untuk aktif dalam dakwah. Perkahwinan keduanya pula bersama Haji Salam Muhammad Salam yang memahami semangat dan gagasan perjuangan Zainab al-Ghazali dan sanggup berkorban demi membantu isterinya.

Zainab al-Ghazali memuatkan dalam bukunya *al-Ayyam Min Hayati*, Zainab al-Ghazali memuatkan kisah suaminya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan terhadap perjuangannya. Zainab al-Ghazali menekankan bahawa beliau tidak mengabaikan tanggungjawab kepada suami dan keluarganya walaupun beliau sibuk dengan perjuangannya. Ketika Zainab dibebaskan beliau mendapati suaminya telah wafat kira-kira enam bulan selepas beliau dipenjarakan pada tahun 1966M.

Kewafatan

Beberapa waktu menjelang kewafatannya, penglihatan Zainab mengalami keaburan yang memaksa beliau melakukan pembedahan. Kesan daripada pembedahan ini kemudiannya telah menjejaskan lagi kesihatannya iaitu beliau ditimpa pulapenyakit lupadan lemah ingatan. Kondisi ini seterusnya menyebabkan aktiviti dakwah beliau mulai terhenti. Setelah itu, Zainab mulai kurang bertemu dengan orang ramai dan jarang bergaul dengan masyarakat awam. Beliau banyak menumpukan kekosongan masanya dengan meningkatkan amal ibadat dirumahnya.

Sumbangan Zainab kepada Islam dan umat sentiasa dikenang dengan penuh penghargaan, kasih dan kecintaan. Setelah 88 tahun menabur budi dan jasa, beliau dijemput pulang ke pangkuan Ilahi pada tanggal 3 Ogos 2005. Jasadnya yang mulia diiringi ribuan rakyat dan disolatkan di masjid Rabia'tul Adawiyah. Namun hingga kini, namanya tetap segar di lubuk hati setiap pejuang agama walaupun beliau telah wafat.

Kesimpulan

Zainab al-Ghazali berkeyakinan bahawa Negara Islam akan tetap ditegakkan kembali dengan izin Allah S.W.T dengan syarat melalui satu jalan iaitu jalan Islam. Negara Islam tidak dapat ditegakkan dengan lain-lain jalan kecuali jalan Islam. Banyak sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau dalam dakwah Islamiyyah. Diantara sumbangan yang telah diberikan oleh beliau menerusi gerakan dakwah Islam ialah sebagaimana berikut.

²²Zainab al-Ghazali. *Ayyam Min Hayati*. Ibid.

- Mendirikan Jawatankuasa Wanita Muslim pada tahun 1937 di Kaherah.
- Menubuhkan Jamaah Wanita Muslimah.
- Menggerakkan Jamaah Wanita Muslimah dengan kerja-kerja dakwah dan juga kebajikan.
- Menggerakkan ahli-ahli Jamaah Wanita Muslimah agar menjadi pembela-pembela agama Allah.
- Menggarapkan ilmu di kalangan anggota Jamaah Wanita Muslimah.
- Mentarbiah ahli-ahli Jamaah Wanita Muslimah agar berkemampuan untuk berpidato, berhujah dan berinteraksi dengan masyarakat sekeliling untuk memimpin umat seluruhnya kembali kepada Islam.
- Memperjuangkan agama Islam bersama Imam Hasan al-Banna di dalam Ikhwanul Muslimin.
- Memimpin salah satu bahagian yang ada dalam organisasi Ikhwan Muslimin.
- Membantu keluarga Ikhwanul Muslimin pada ketika golongan ini ditindas oleh pemerintah pada tahun 1954.
- Menjadi editor bagi sebuah ruangan dalam majalah *al-Da'wah* bagi pembangunan rumah tangga Muslim yang sejati.
- Sentiasa berdakwah kepada para banduan yang lain ketika berada di dalam penjara.
- Melakukan pengajian dan seminar di Mesir setelah keluar dari penjara.
- Berpidato lantang dan segar selepas dibebaskan dari penjara bagi menyedarkan para pemuda dan pemudi serta membimbing umat ke arah keredhaan Allah.

Rujukan

Ayyam Min Hayati, Zainab al-Ghazali. Dar al-I'tisom. Kaherah. 1990

Al-Mausuu'at at-tarikhiyah ar-rasmiyah li -Ikhwan al-Muslimin-Zainab al-Ghazali
Mausu'at al-Mar'ah al-Mua'sarah. Muhammad Firas al-Saudi. Dar al-Maktabi. Damsyiq. 2010

Humum al-Mar'at al-Muslimah wa al-Da'iyah Zainab al-Ghazali: Ibn al-Hasyimy Dar al-I'tisom. Kaherah. 1990

Inilah Perjuangan Menurut Sayyid Qutub, Drs. Muhammad Chirzin, Muhammad Ideen Ariffin, Dar Hakamah, Selangor, 2007.

Mereka Yang Telah Pergi Tokoh-Tokoh Pembangun Pergerakan Islam Kontemporer,
Al- Mustasyar Abdullah Al-Aqil, Al- I'tishom Cahaya Umat, Jakarta, 2003.

Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman, Syekh Muhammad Sa'id Mursi, Al-Hidayah, Kuala Lumpur, 2011.

Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Moden, Zainudin Hashim, Riduan Mohamad Nor, Jundi Resources, Selangor, 2009.

50 Tokoh Islam Yang Mengubah Dunia, Ahmad Amri Zainal Adnan, Nurasyikin Ahmad, Pts Millennia Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 2009.

125 Ilmuwan Muslim Pengukir Sejarah, Saiful Hadi, Insan Cemerlang, Jakarta Timur, 2000.

Min Suttur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali- Zainab al-Ghazali al-Daiyah, WaSiasah Misriyah. Badr Muhamad
Badr.<http://www.ikhwanwiki.com/index.php>.